

27 JUL 2000

Mahathir-Eco/I

SABAH KHAZANAH BAGI PELANCONG, KATA DR M

KOTA KINABALU, 27 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, Sabah bagaikan harta karun tersembunyi dengan begitu banyak tarikan semulajadi bagi seluruh dunia menikmatinya.

Beliau berkata, pelancong khasnya dari luar negara dijemput untuk datang dan lihat sendiri apa Sabah dan Malaysia dapat tawarkan.

"Sabah mempunyai lebih 30 kumpulan etnik dan walaupun kepelbagaian pada mereka, mereka hidup secara harmoni," kata beliau di majlis khas bagi menghargai penaja-penaja yang menyumbangkan kepada Eco-Challenge Sabah 2000 di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, Malaysia khasnya Sabah akan lebih dikenali dengan berlangsungnya acara berprestij seperti ini.

Beliau juga berkata, Eco-Challenge menawarkan peluang bagi sesiapaupun untuk menguji daya tahan, keazaman dan kekuatan dalam perlumbaan yang membabitkan banyak aktiviti.

Sebelum itu, Ketua Menteri Datuk Osu Sukam berkata acara itu dijangka menarik lebih ramai pelancong asing khasnya rakyat Amerika kerana ia menerima liputan luas daripada rangkaian televisyen kabel utama seperti Discovery Channel Canada dan Entertainment Tonight.

Beliau berkata, bilangan pelancong dari Amerika yang datang ke Malaysia bagi tempoh dua tahun ialah 83,000 orang dan ini meningkatkan pendapatan sektor ini kepada RM171.2 juta.

Daripada bilangan itu, lebih kurang 5,680 rakyat Amerika melawat Sabah dan ini membawa pendapatan RM19.8 juta ke negeri ini, kata beliau lagi.

Semasa majlis itu, Perdana Menteri menyampaikan cenderamata penghargaan kepada penaja-penaja utama acara itu.

Antara penaja utama itu ialah Yayasan Sabah dengan jumlah tajaan sebanyak RM2.6 juta, Telekom Malaysia Berhad (RM1.2 juta), Sabah Air (RM1.2 juta), Sutera Harbour Resort (RM600,000), UMW Toyota Motor Sdn Bhd (RM250,000), Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3) (RM200,000), Semporna Ocean Tourism Resort Centre (RM60,000) dan Zuma Engineering (RM57,000).

Diperkenalkan pada 1992, Eco-Challenge ialah perlumbaan dan ekspedisi 24 jam merentasi muka bumi bercerangah sejauh hampir 500km.

Setiap pasukan yang terdiri daripada empat peserta termasuk sekurang-kurangnya seorang wanita, perlu menamatkan perlumbaan bersama-sama.

Jika salah seorang berundur atau cedera, seluruh pasukan akan disingkirkan.

Eco-Challenge Sabah 2000 terdiri daripada beberapa segmen yang termasuk trekking dalam hutan, mengayuh di sungai, berlayar dan terjun, mengayuh basikal di gunung dan memasuki gua.

Acara tahun ini adalah yang ketujuh, selepas diadakan di pelbagai lokasi lain di dunia.

Ia akan berlangsung dari 20 Ogos hingga 2 September.

Malaysia akan diwakili oleh dua pasukan dikenali sebagai Team Sabah 2000 dan Team Toyota 2020.

-- BERNAMA

HAK PR